**Rajah 4.12:** Kriteria Pemilihan Faktor Berdasarkan Senario (*Hierarchy Tree*)



Pemilihan kriteria-kriteria ini akan dibuat berdasarkan keutamaaa tertentu mengikut penekanan senario pembangunan yang juga mengambilkira keseluruhan faktor sebagai pertimbangan cadangan pembangunan. Walaupun penggunaan faktor yang seragam namun pertimbangan berbeza dalam menentukan faktor dan rating pemberat dalam membuat keputusan.

## ii. Pairwise Comparison

*Pairwise comparison* atau perbandingan berpasangan adalah melaksanakan proses membandingkan bagi setiap faktor berpasangan untuk menilai entiti mana yang lebih disukai atau memiliki jumlah kuantitatif yang lebih besar, mempunyai kepentingan yang sama atau tidak mempunyai relative kewajaran yang dominan. Penjanaan hasil akhir analisis ini mampu memberikan hasil penjanaan scenario yang pelbagai berdasarkan input kewajaran yang telah dipilih berdasarkan keutamaan pemilihan faktor yang telah dibuat. Ia juga merupakan salah satu pendekatan teknologi kecerdasan buatan (*AI – Artificial Intelligence*) dalam penyediaan perancangan reruang gunatanah.

**Jadual 4.1:** Skala Dan Definisi Kepentingan Skala (Pairwise Comparison)

Kepentingan Skala	Definisi Kepentingan Skala
1	Diutamakan Sama Penting
2	Diutamakan Sama-sama Sederhana Penting
3	Sederhana Penting Diutamakan
4	Sederhana hingga Sangat Penting Diutamakan
5	Sangat Penting Diutamakan
6	Sangat Diutamakan kepada Sangat Sangat Penting
7	Sangat Sangat Penting Diutamakan
8	Sangat Diutamakan kepada Sangat Penting
9	Amat Penting Diutamakan

Hasil akhir matrik akan memaparkan keutaamaan faktor yang akan menjadi perkara utama dalam pertimbangan keputusan. Setiap faktor akan diberikan nilai pemberat dan keutamaan. Pengiraan pemberat bagi setiap faktor adalah menggunakan formula seperti di bawah

**Rajah 4.13:** Formula Pengiraan Pemberat

$$AW = \lambda_{max} W,$$

Di mana  $A$  mewakili matriks perbandingan berpasangan dan  $\lambda_{max}$  mewakili yang terbesar nilai eigen bagi  $A$  dan  $W$  ialah vektor eigen ternormal yang sepadan dengan  $\lambda_{max}$

Setiap pengiraan yang dihasilkan perlu dipastikan mempunyai tahap konsistensi yang boleh diterimapakai. Bagi tujuan tersebut kaedah yang digunakan adalah melalui

- **Nilai Eigen Prinsipal ( $\lambda_{max}$ )**

Nilai Eigen Prinsipal diperoleh daripada penjumlahan produk antara setiap elemen vektor Eigen dan jumlah lajur matriks salingan

$$CI = \frac{(\lambda_{max} - n)}{(n - 1)}$$

**keterangan:**

$\lambda_{max}$  : *eigen value maximum*

**n** : jumlah matriks

- **Indeks Konsistensi (CI)**

Pengiraan Indeks Konsistensi adalah merujuk kepada formula di bawah

$$CR = \frac{CI}{RI}$$

**keterangan:**

**CR** : *Consistency Ratio*

**RI** : *Random Consistency Index*

- **Nisbah Konsistenci (CR)**

Saaty (2008), menetapkan nilai CR kurang atau samadengan 10%.

Setelah mengambilkira keseluruhan pertimbangan dan pengiraan, penghasilan sistesis awal boleh dikenalpasti. Namun begitu di dalam proses mengadaptasi formula dan pengiraan MCDM ini, ianya perlu diterapkan di dalam pembangunan analisis reruang (spatial) agar ianya akan memperlihatkan haril akhir dalam konteks reruang.

Hasil akhir matrik akan memaparkan keutaamaan faktor yang akan menjadi perkara utama dalam pertimbangan keputusan. Setiap faktor akan diberikan nilai pemberat dan keutamaan. Pengiraan pemberat bagi setiap faktor adalah menggunakan formula seperti di bawah

#### 4.4.1 Penjanaan Analisis Reruang


Setelah mengambilkira maklumat serta indeks matrik yang telah dihasilkan di dalam penyediaan AHP dan Pairwise Comparison, maklumat-maklumat ini akan diterjemahkan ke dalam analisis reruang. Penyediaan analisis ini menghasilkan beberapa pelan senario pembangunan mengikut kepentingan tema pembangunan yang telah dipilih. Setiap penjanaan analisis yang dibangunkan mengambilkira keseluruhan faktor, namun begitu mempunyai perbezaan dari aspek pentapan faktor dan pemberat dalam membuat keputusan.

**Rajah 4.14:** Senarai Objektif Teras Pembangunan



Pemilihan faktor dan kriteria ini mengambilkira terhadap objektif teras pembangunan bagi memacu pembangunan Rancangan Tempatan Jajahan Tumpat 2035 (Pengantian). Setiap faktor yang dipilih mempunyai kriteria dan sub kriteria-kriteria bagi tujuan analisis. Ia juga mempunyai perkaitan relatif terhadap objektif teras yang terdapat di dalam pembentukan konsep, strategi dan teras pembangunan.

Rajah 4.15: Faktor Analisis



**Jadual 4.2 :** Faktor, Kriteria dan Sub Kriterion Analisis Reruang

Faktor	Kriteria	Sub Kriteria	Objektif Teras	Justifikasi
1 & 2 Ketersediaan Infrastruktur	Jarak Dari Jalan-Jalan Utama (20 meter – 40 meter )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Jarak kiri dan kanan dari Jalan Utama &lt; 200 meter</li> <li>- Jarak kiri dan kanan dari Jalan Utama &lt; 400 meter</li> <li>- Jarak kiri dan kanan dari Jalan Utama &gt; 400 meter</li> </ul>	1,2,3,4,6,7	Semakin hampir dengan jalan utama, semakin tinggi potensi pembangunan
	Jarak Dari Stesen Pengangkutan (bas, teksi, teksi air, keretapi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- 400 meter</li> <li>- 800 meter</li> <li>- 1500 meter</li> <li>- &gt; 1500 meter</li> </ul>	1,2,3,4,6,7	Semakin hampir dengan stesen pengangkutan, semakin tinggi potensi pembangunan
3. Kawasan Pengekalan Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di Luar Kawasan Pertanian KADA Dan Skim JPS</li> <li>2. Di Dalam Kawasan Skim Pengairan JPS</li> <li>3. Di Dalam Kawasan Padi KADA</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di Luar Kawasan Pertanian KADA Dan Skim JPS</li> <li>2. Di Dalam Kawasan Skim Pengairan JPS</li> <li>3. Di Dalam Kawasan Padi KADA</li> </ol>	3,6,8	Kawasan potensi pembangunan berada diluar Kawasan Pertanian KADA Dan Skim JPS
4. Zon Keselamatan Negara	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di Luar Zon Keselamatan Negara</li> <li>2. Di Dalam Zon Keselamatan Negara</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di Dalam 2 KM dari Sempadan Negara</li> <li>2. Di Dalam 3.5 KM dari Sempadan Negara</li> <li>3. Di Dalam 5 KM dari Sempadan Negara</li> <li>4. Di Luar 5 KM dari Sempadan</li> </ol>	2,3,4,5,6,7	Jarak antara 2 km digalakkan untuk pembangunan merujuk kepada keputusan pihak berkuasa perancangan negeri terhadap impak sesuatu pembangunan
5. Kualiti Alam Sekitar	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jarak Dari Badan Air</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di luar Rizab Sungai (&gt; 50 m)</li> <li>2. Di Dalam Rizab Sungai(0- 50 m)</li> </ol>	6,8	Tidak dibenarkan pembangunan di dalam rizab sungai
6. Kawasan Pengekalan Ekologi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di Dalam Kawasan Ekologi</li> <li>2. Di Luar Kawasan Ekologi</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di luar Kawasan Pulau</li> <li>2. Di Dalam Kawasan Pulau</li> </ol>	6,8	Kawasan di luar Kawasan pulau boleh digbangunkan
7. Kawasan Pengekalan Warisan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di Dalam Kawasan Warisan Ketara</li> <li>2. Di Dalam Kawasan Warisan Tidak Ketara</li> <li>3. Di Luar Kawasan Warisan Ketara dan Tidak Ketara</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di Dalam Kawasan Warisan</li> <li>2. Di Luar Kawasan Warisan</li> </ol>	3,4,5,6,8	Kawasan Pengekalan Warisan perlu di kekalkan
8. Kawasan Tumpuan Pembangun	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di Luar Kawasan Pembangunan</li> <li>2. Di dalam Kawasan Pembangunan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. 400 meter</li> <li>2. 800 meter</li> <li>3. 1500 meter</li> <li>4. &gt; 1500 meter</li> </ol>	1,2,3,6,7,	Semakin hampir dengan kawasan tumpuan pembangunan semakin sesuai untuk pembangunan.
9. Rebakan Bandar	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berdasarkan kajian dasar perbandaran negara ke 2 (2016)</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Di luar Sempadan Bandar</li> <li>2. Di Dalam Sempadan Bandar</li> </ol>	1,2,3,6,7	Pembangunan sesuai dilaksanakan di dalam sempadan bandar

Faktor	Kriteria	Sub Kriteria	Objektif Teras	Justifikasi
10. Kawasan Berisiko Banjir	1. Di Luar Kawasan Berisiko Banjir 2. Di dalam kawasan Berisiko banjir	1. Di atas 6 meter dari aras laut 2. Di bawah 6 meter dari aras laut	1,6,7,8	Pembangunan sesuai dibangunkan diluar kawasan banjir serta berada di atas 6 meter dari aras laut
11. Kawasan Berisiko Hakisan Pantai	1. Di luar Kawasan Berisiko Hakisan Pantai 2. Di dalam kawasan Berisiko Hakisan Pantai	1. Di luar Rizab Pantai (> 60 m) 2. Di Dalam Rizab Pantai (0- 60 m)	1,6,8	Pembangunan sesuai dibangunkan diluar kawasan Rizab Pantai
12. Indeks Kerapuhan Pantai	1. Fizikal 2. Biodiversiti 3. Sosio ekonomi	1. Sangat Rendah 2. Rendah 3. Tinggi	6,8	Halangan pembangunan bagi kawasan yang mempunyai Indeks Kerapuhan - Tinggi

**Jadual 4.3** menerangkan skor pada sub-kriteria bagi setiap kriteria-kriteria pembangunan yang telah dipilih. Skor ini penting untuk menentukan keputusan pelan kawasan kesesuaian untuk pembangunan di samping menyelaraskan kawalan pembangunan dalam kawasan kajian. Skor di dalam Jadual 4.7 akan diisikan di dalam perisian ArcGIS untuk menghasilkan Pelan Kawasan Kesesuaian. Penentuan kawasan kesesuaian untuk pembangunan akan dilakukan melalui proses tindakan berwajaran iaitu weighted overlay. Ianya akan menggabungkan lapisan pelan kriteria-kriteria tersebut menjadi satu lapisan. Kemudian, daripada pelan tersebut, kawasan kesesuaian pembangunan dapat dikenalpasti.

**Jadual 4.3 :** Skor bagi Sub-Kriteria Kawasan Kesesuaian Pembangunan

NO	KRITERIA	KLASIFIKASI	SKOR
1	Infrastruktur – Jarak Dari Jalan Utama		
	<200m dari Jalan Utama	Sesuai	5
	<400m dari Jalan Utama	Kurang Sesuai	3
	>400m dari Jalan Utama	Tidak Sesuai	1
2	Infrastruktur – Jarak Dari Terminal Pengangkutan		
	400 meter	Sesuai	5
	800 meter	Sederhana Sesuai	4
	1500 meter	Kurang Sesuai	3
	>1500 meter	Tidak Sesuai	1

**Jadual 4.3:** Skor bagi Sub-Kriteria Kawasan Kesesuaian Pembangunan (sambungan)

NO	KRITERIA	KLASIFIKASI	SKOR
3	Kawasan Pengekalan Pertanian		
	Luar Kawasan	Sesuai	5
	Skim Pengairan JPS	Kurang Sesuai	3
	Kawasan Pertanian KADA	Tidak sesuai	1
4	Zon Sempadan Negara		
	Luar Kawasan	Sesuai	5
	5 km	Sederhana Sesuai	4
	3.5 km	Kurang Sesuai	3
	2 km	Tidak Sesuai	1
5	Kualiti Alam Sekitar		
	Luar Kawasan Sungai	Sesuai	5
	Dalam Kawasan Sungai	Tidak Sesuai	1
6	Kawasan Pengekalan Ekologi		
	Luar Kawasan Pulau	Sesuai	5
	Dalam Kawasan Pulau	Tidak Sesuai	1
7	Kawasan Pengekalan Warisan		
	Luar Kawasan Warisan	Sesuai	5
	Dalam Kawasan Warisan	Tidak Sesuai	1
8	Kawasan Tumpuan Pembangunan		
	400 meter	Sesuai	5
	800 meter	Sederhana Sesuai	4
	1500 meter	Kurang Sesuai	3
	>1500 meter	Tidak Sesuai	1
9	Rebakan Bandar		
	Dalam Sempadan Bandar	Sesuai	5
	Luar Sempadan Bandar	Kurang Sesuai	1

**Jadual 4.3:** Skor bagi Sub-Kriteria Kawasan Kesesuaian Pembangunan (sambungan)


NO	KRITERIA	KLASIFIKASI	SKOR
10	Kawasan Berisiko Banjir		
	Tahap Rendah	Sesuai	5
	Tahap Sederhana	Kurang Sesuai	3
	Tahap Tinggi	Tidak Sesuai	1
11	Kawasan Berisiko Hakisan Pantai		
	Luar Kawasan	Sesuai	5
	Dalam Kawasan	Tidak Sesuai	1
12	Indeks Kerapuhan Pantai (NCVI)		
	Luar Kawasan	Sesuai	5
	Sangat Rendah	Sederhana Sesuai	4
	Rendah	Kurang Sesuai	3
	Tinggi	Tidak Sesuai	1

Nilaian skor-skor bagi setiap klasifikasi kriteria ni akan digunakan sebagai input SKOR dan ianya akan didarabkan dengan nilai PEMBERAT yang diperolehi berdasarkan penetapan keutamaan faktor yang diperolehi daripada analisis AHP dan Pairwise Comparison..

#### 4.4.2 Penjanaan Analisis Senario Pembangunan

Penjanaan Senario Pembangunan dilaksanakan berdasarkan pemilihan kriteria dan sub kriteria yang telah dikenalpasti. Menerapkan kaedah fungsi analisis reruang yang terdapat di dalam perisian sistem informasi geografi, ia nya akan menghasilkan analisis kesesuaian pembangunan mengikut senario pembangunan yang dikenalpasti. Kotak berwarna merah mewakili aktiviti analisis GIS dilaksanakan.

**Rajah 4.16:** Model Analisis GIS Di Dalam Penghasilan Senario Pembangunan



Maklumat peratusan pemberat bagi setiap faktor yang diperoleh berdasarkan pelaksanaan AHP dan Pairwise Comparison akan dimasukkan ke dalam field field PEMBERAT. Jumlah hasil SKOR (yang telah ditetapkan mengikut klasifikasi kriteria) akan di darabkan dengan PEMBERAT dan akan dimasukkan ke dalam field JUMLAH. Proses ini dilaksanakan bagi keseluruhan faktor. Nilai-nilai PEMBERAT adalah berdasarkan jumlah keutamaan faktor melalui penjanaan proses AHP dan Pairwise Comparison.

Terdapat 3 penjaan senario pembangunan yang dilaksanakan di dalam mengkaji dan mengenalpasti potensi kawasan pembangunan. Setiap senario mempunyai penekanan tersendiri di dalam pemilihan faktor dan pemberat dalam penjaan analisis. Antara senario pembangunan tersebut adalah :

1. Senario Pemeliharaan Alam Sekitar
2. Senario Pemandaran
3. Senario Keseimbangan Pembangunan dan Alam Sekitar

### **1. Senario Pemeliharaan Alam Sekitar**

Senario pemeliharaan adalah melihat kepada aspek kepentingan kepada kepada alam sekitar dan fizikal di kawasan kajian. Faktor atau indikator yang membawa kepada kepitingan alam sekitar telah diambilkira dan telah diberi pemberat yang sewajarnya. Senario ini adalah amat penting sebagai tanda aras di dalam kajian ini untuk menilai impak pembangunan dan tahap daya geo bencana. Indikator kepentingan pemeliharaan seperti Kawasan Berisiko Banjir, Kawasan Berisiko Hakisan Pantai, Kawasan Pengkalan Ekologi, Kualiti Alam Sekitar Indeks, Kerapuhan Pantai (NCVI) telah di beri keutaman bagi menghasilkan senario ini.

### **2. Senario Pemandaran**

Senario perbandaran melihat kepada aspek kepentingan pembangunan dan sosio ekonomi di dalam kawasan kajian. Kepentingan senario adalah penting untuk memacu perkembangan ekonomi dan taraf hidup penduduk di dalam Jajahan Tumpat. Pemberat utama yang diambilkira di dalam senario ini adalah jarak dari jalan utama, kawasan TOD, kawasan tumpuan dan pusat bandar dan kawasan pelancongan


### **3. Senario Keseimbangan Pembangunan dan Alam Sekitar**

Senario keseimbangan mengambilkira kepentingan gabungan antara perbandaran dan pemeliharaan. Senario ini dilihat pilihan utama kepada pembentukan peta cadangan Jajahan Tumpat memandangkan ia lebih sesuai dengan matlamat dan objektif pembangunan di Jajahan Tumpat.

Penghasilan peta-peta pra analisis awal dilaksanakan sebelum proses menetapkan pengiraan SKOR dan PEMBERAT bagi setiap lapisan layer. Lapisan-lapisan yang dihasilkan akan melalui proses *reclassify* dan *fungsi calculate* bagi hasil pengiraan SKOR dan PEMBERAT. Proses seterusnya adalah dengan mengabungkan pengiraan matrik bagi setiap lapisan layer bagi tujuan mengenalpasti kawasan kesesuaian pembangunan berdasarkan input senario pembangunan yang dihasratkan.

Lampiran berikutnya memaparkan pelan pra analisis bagi setiap faktor mengikut sub kriteria yang telah dibincangkan sebelum ini. Gabungan pelan dan penghasilan matrik pengiraan seterusnya akan menghasilkan gambaran senario pembangunan.

Rajah 4.17 : Faktor 1 : Ketersediaan Infrastruktur – Jarak Dari Jalan Utama



**PETUNJUK**

- Jarak <200m dari Jalan Utama
- Jarak <400m dari Jalan Utama
- Jarak >400m dari Jalan Utama


**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi

**PELAN KUNCI**



Rajah 4.18 : Faktor 2 : Ketersediaan Infrastruktur – Jarak Dari Stesen Pengangkutan



**PETUNJUK**

- 400 Meter
- 800 Meter
- 1,500 Meter
- >1,500 Meter


**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi

**PELAN KUNCI**



Rajah 4.19 : Faktor 3 : Kawasan Pengkelan Pertanian



**PETUNJUK**


- Luar Kawasan
- Skim Pengairan JPS
- Kawasan Pertanian KADA

**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi

**PELAN KUNCI**





**PETUNJUK**



- Luar Kawasan
- 5 km
- 3.5 km
- 2 km

**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi

**PELAN KUNCI**





**PETUNJUK**

- Luar Kawasan Sungai
- Dalam Kawasan Sungai

**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi

**PELAN KUNCI**





**PETUNJUK**


- Luar Kawasan Pulau
- Dalam Kawasan Pulau

**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi

**PELAN KUNCI**





**Petunjuk**

- Luar Kawasan Warisan
- Dalam Kawasan Warisan



**Lain-lain**

- Sempadan Blok Perancangan
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Jalan Raya
- Laluan Keretapi

**PELAN KUNCI**



Rajah 4.24 : Faktor 8 : Kawasan Tumpuan Pembangunan



**PETUNJUK**

- 400 Meter
- 800 Meter
- 1,500 Meter
- >1,500 Meter


**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi

**PELAN KUNCI**



Rajah 4.25 : Faktor 9 : Kawasan Rebakan Bandar



**PETUNJUK**

- Dalam Sempadan Bandar
- Luar Sempadan Bandar


**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi

**PELAN KUNCI**



Rajah 4.26 : Faktor 10 : Kawasan Berisiko Banjir



**PETUNJUK**

- Tahap Rendah
- Tahap Sederhana
- Tahap Tinggi

**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi

**PELAN KUNCI**





**PETUNJUK**

- Luar Kawasan Hakisan Pantai
- Dalam Kawasan Hakisan Pantai



**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi

**PELAN KUNCI**



Rajah 4.28 : Faktor 12 : Indeks Kerapuhan Pantai (NCVI)



**PETUNJUK**

- Luar Kawasan
- Sangat Rendah
- Rendah
- Tinggi

**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi

**PELAN KUNCI**



### i. Senario Pemeliharaan

Senario pemeliharaan adalah melihat kepada aspek kepentingan kepada kepada alam sekitar dan fizikal di kawasan kajian. Faktor atau indikator yang membawa kepada kepetingan alam sekitar telah diambilkira dan telah diberi pemberat yang sewajarnya. Senario ini adalah amat penting sebagai tanda aras di dalam kajian ini untuk menilai impak pembangunan dan tahap daya geo bencana. Indikator kepentingan pemeliharaan seperti pengekalan alam sekitar, kawasan risiko banjir, kawasan pengekalan warisan, kawasan berisiko hakisan pantai dan perkara-perkara kepentingan alam sekitar.

**Jadual 4.4 :** Keutamaan Faktor dan Matrik Bagi Senario Pemeliharaan Alam Sekitar

KRITERIA	KEUTAMAAN	PERATUS (%)
Infrastruktur – Jarak Dari Jalan Utama	8	3.7%
Infrastruktur – Jarak Dari Stesen Pengangkutan	11	2.8%
Kawasan Pengekalan Pertanian	1	25.0%
Zon Keselamatan Negara	9	3.2%
Kawasan Tumpuan Pembangunan	12	2.2%
Rebakan Bandar	5	6.7%
Kawasan Pengekalan Warisan	3	14.4%
Kawasan Berisiko Banjir	2	17.8%
Kawasan Berisiko Hakisan Pantai	4	10.5%
Kawasan Pengekalan Ekologi	16	5.4%
Kualiti Alam Sekitar	7	5.2%
Indeks Kerapuhan Pantai (NCVI)	10	3.0%
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>

Penjanaan senario ini mendapati keutamaan faktor yang mempunyai penekanan utama adalah dengan mengambilkira potensi kemudahan iaitu faktor jarak dari jalan utama, jarak dari stesen pengangkutan dan menmbilkira penekanan terhadap penekanan alam sekitar.

Berdasarkan matrik yang telah dilaksanakan dengan mengambilkira pengiraan 66 perbandingan kepentingan seperti yang dipaparkan di dalam jadual di atas, kadar nisbah konsistensi yang diperolehi adalah 6.5 %.


**Jadual 4.5 :** Keutamaan Faktor dan Matrik Bagi Senario Pemeliharaan Alam Sekitar

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
1	1	2	0.17	2	1	1	0.14	0.17	0.14	1	1	1
2	0.5	1	0.14	1	2	0.5	0.33	0.2	0.2	0.5	0.33	1
3	6	7	1	4	4	3	4	3	4	5	4	6
4	0.5	1	0.25	1	2	0.5	0.2	0.17	0.25	0.5	0.5	2
5	1	0.5	0.25	0.5	1	0.5	0.14	0.12	0.14	0.17	0.5	0.5
6	1	2	0.33	2	2	1	0.25	0.33	1	3	2	2
7	7	3	0.25	5	7	4	1	1	1	4	3	3
8	6	5	0.33	6	8	3	1	1	2	6	6	5
9	7	5	0.25	4	7	1	1	0.5	1	1	1	4
10	1	2	0.2	2	6	0.33	0.25	0.17	1	1	1	2
11	1	3	0.25	2	2	0.5	0.33	0.17	1	1	1	2
12	1	1	0.17	0.5	2	0.5	0.33	0.2	0.25	0.5	0.5	1

Hasil daripada analisis yang telah dilaksanakan mendapati pecahan keluasan adalah seperti berikut :

**Jadual 4.6 :** Jadual Tahap Kesesuaian Pembangunan Bagi Senario Pemeliharaan Alam Sekitar

Tahap Kesesuaian	Keluasan (Hektar)	Peratus
Sesuai Pembangunan	380.33	2.10
Sederhana Sesuai Pembangunan	4,419.12	24.40
Kurang Sesuai Pembangunan	6,580.59	36.33
Tidak Sesuai Pembangunan	6,731.11	37.17
<b>KESELURUHAN</b>	<b>18,111.15</b>	<b>100.00</b>



PETUNJUK

Kesesuaian Pembangunan	Hektar	%
Sesuai Pembangunan	380.33	2.10
Sederhana Sesuai Pembangunan	4,419.12	24.40
Kurang Sesuai Pembangunan	6,580.59	36.33
Tidak Sesuai Pembangunan	6,731.11	37.17
	<b>18,111.15</b>	<b>100.00</b>

Lain-lain

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi



## ii. Senario Perbandaran

Senario perbandaran menumpukan kepada aspek kepentingan potensi rebakan pembangunan dan sosio ekonomi di dalam kawasan kajian. Kepentingan senario adalah penting untuk memacu perkembangan ekonomi dan taraf hidup penduduk di dalam Jajahan Tumpat. Pemberat utama yang diambilkira di dalam senario ini adalah jarak dari jalan utama, kawasan TOD, kawasan tumpuan dan pusat bandar dan kawasan pelancongan. Senario ini mengambilkira faktor-faktor yang lebih condong terhadap potensi pembangunan di dalam kawasan kajian

**Jadual 4.7 :** Keutamaan Faktor dan Matrik Bagi Senario Perbandaran

KRITERIA	KEUTAMAAN	PERATUS (%)
Infrastruktur – Jarak Dari Jalan Utama	1	13.3%
Infrastruktur – Jarak Dari Stesen Pengangkutan	1	13.3%
Kawasan Pengekalan Pertanian	1	13.3%
Zon Keselamatan Negara	1	13.3%
Kualiti Alam Sekitar	1	13.3%
Kawasan Pengekalan Ekologi	6	9.1%
Kawasan Pengekalan Warisan	6	9.1%
Kawasan Tumpuan Pembangunan	8	4.8%
Rebakan Bandar	8	4.8%
Kawasan Berisiko Banjir	10	2.5%
Kawasan Berisiko Hakisan Pantai	11	1.8%
Indeks Kerapuhan Pantai (NCVI)	12	1.4%
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>

Keutamaan pertimbangan pembangunan menekankan faktor-faktor yang relevan terhadap katalis pembangunan seperti faktor kemudasaipaan jarak jalan dari jalan utama, kedekatan dari stesen pengangkutan. Manakala pertimbangan terhadap kepentingan faktor-faktor alam sekitar diberikan kelonggaran. Ini bagi melihat serakan potensi pembangunan di dalam kawasan kajian.

Berdasarkan matrik yang telah dilaksanakan dengan mengambilkira pengiraan 66 perbandingan kepentingan seperti yang dipaparkan di dalam jadual di bawah, kadar nisbah konsistensi yang diperolehi adalah 2.2 %.

**Jadual 4.8 :** Keutamaan Faktor dan Matrik Bagi Senario Perbandaran


	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
1	1	1.00	1.00	1.00	1.00	2.00	2.00	3.00	3.00	5.00	6.00	7.00
2	1.00	1	1.00	1.00	1.00	2.00	2.00	3.00	3.00	5.00	6.00	7.00
3	1.00	1.00	1	1.00	1.00	2.00	2.00	3.00	3.00	5.00	6.00	7.00
4	1.00	1.00	1.00	1	1.00	2.00	2.00	3.00	3.00	5.00	6.00	7.00
5	1.00	1.00	1.00	1.00	1	2.00	2.00	3.00	3.00	5.00	6.00	7.00
6	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50	1	1.00	3.00	3.00	5.00	6.00	7.00
7	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50	1.00	1	3.00	3.00	5.00	6.00	7.00
8	0.33	0.33	0.33	0.33	0.33	0.33	0.33	1	1.00	3.00	4.00	5.00
9	0.33	0.33	0.33	0.33	0.33	0.33	0.33	1.00	1	3.00	4.00	5.00
10	0.20	0.20	0.20	0.20	0.20	0.20	0.20	0.33	0.33	1	2.00	3.00
11	0.17	0.17	0.17	0.17	0.17	0.17	0.17	0.25	0.25	0.50	1	2.00
12	0.14	0.14	0.14	0.14	0.14	0.14	0.14	0.20	0.20	0.33	0.50	1

Hasil daripada analisis yang telah dilaksanakan mendapati pecahan keluasan adalah seperti berikut :

**Jadual 4.9 :** Jadual Tahap Kesesuaian Pembangunan Bagi Senario Perbandaran

Tahap Kesesuaian	Keluasan (Hektar)	Peratus
Sesuai Pembangunan	5,674.22	31.33
Sederhana Sesuai Pembangunan	7,711.73	45.58
Kurang Sesuai Pembangunan	4,708.90	26.00
Tidak Sesuai Pembangunan	16.30	0.09
<b>KESELURUHAN</b>	<b>18,111.15</b>	<b>100.00</b>

Rajah 4.30: Peta Kesesuaian Pembangunan Jajahan Tumpat Senario Perbandaran



**PETUNJUK**

Kesesuaian Pembangunan	Hektar	%
Sesuai Pembangunan	5,674.22	31.33
Sederhana Sesuai Pembangunan	7,711.73	45.58
Kurang Sesuai Pembangunan	4,708.90	26.00
Sangat Tidak Sesuai Pembangunan	16.30	0.09
<b>Total</b>	<b>18,111.15</b>	<b>100.00</b>

**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi



### iii. Senario Keseimbangan Pembangunan

Senario keseimbangan pembangunan mengambilkira kepentingan gabungan antara perbandaran dan pemeliharaan. Senario ini dilihat mempunyai keseimbangan di dalam pemilihan faktor yang digunakan dalam membuat keputusan. Mengambilkira terhadap potensi pembangunan semasa serta menitikberatkan aspek kepentingan alam semulajadi. Walaupun proses perbandaran dibenarkan di kawasan padi KADA, namun syarat-syarat yang ketat harus dipatuhi dan diperhalusi memandangkan tanaman padi merupakan *security food* untuk negara kita khususnya.

**Jadual 4.10** : Keutamaan Faktor dan Matrik Bagi Senario Keseimbangan Pembangunan

KRITERIA	KEUTAMAAN	PERATUS (%)
Infrastruktur – Jarak Dari Jalan Utama	2	16.0
Infrastruktur – Jarak Dari Stesen Pengangkutan	1	17.6
Kawasan Pengekalan Pertanian	6	6.20
Zon Keselamatan Negara	5	9.50
Kawasan Tumpuan Pembangunan	3	15.70
Rebakan Bandar	4	14.20
Kawasan Pengekalan Warisan	7	4.40
Kawasan Berisiko Banjir	9	3.50
Kawasan Berisiko Hakisan Pantai	8	4.20
Kawasan Pengekalan Ekologi	10	3.20
Kualiti Alam Sekitar	12	2.60
Indeks Kerapuhan Pantai (NCVI)	11	2.90
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>

Hasil penjaanan matrik analisis ini dengan menggunakan AHP dan Pairwise Comparison mendapati faktor jarak dari stesen pengangkutan dan jarak dari jalan utama mempunyai keutamaan berbanding dengan berkepentingan alam sekitar. Analisis ini didominasi dengan penetapan input yang menyokong orientasi pertimbangan yang seimbang antara potensi pembangunan dan keperluan terhadap kepentingan alam sekitar serta kawasan pengekalan pertanian.

Berdasarkan matrik yang telah dilaksanakan dengan mengambilkira pengiraan 66 perbandingan kepentingan seperti yang dipaparkan di dalam jadual di bawah, kadar nisbah konsistensi yang diperolehi adalah 8.4 %.

**Jadual 4.11:** Keutamaan Faktor dan Matrik Bagi Senario Keseimbangan Pembangunan


	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
1	1	1.00	6.00	4.00	1.00	1.00	3.00	6.00	2.00	4.00	5.00	3.00
2	1.00	1	3.00	4.00	1.00	4.00	3.00	4.00	4.00	4.00	3.00	3.00
3	0.17	0.33	1	0.25	0.14	0.17	3.00	2.00	3.00	4.00	3.00	3.00
4	0.25	0.25	4.00	1	1.00	1.00	3.00	3.00	2.00	9.00	3.00	2.00
5	1.00	1.00	7.00	1.00	1	1.00	6.00	5.00	4.00	3.00	5.00	4.00
6	1.00	0.25	6.00	1.00	1.00	1	6.00	5.00	5.00	3.00	3.00	4.00
7	0.33	0.33	0.33	0.33	0.17	0.17	1	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00
8	0.17	0.25	0.50	0.33	0.20	0.20	0.50	1	1.00	2.00	2.00	2.00
9	0.50	0.25	0.33	0.50	0.25	0.20	0.50	1.00	1	3.00	2.00	2.00
10	0.25	0.25	0.25	0.33	0.33	0.33	0.50	0.50	0.33	1	2.00	2.00
11	0.20	0.33	0.33	0.33	0.20	0.33	0.50	0.50	0.50	0.50	1	1.00
12	0.33	0.33	0.33	0.50	0.25	0.25	0.50	0.50	0.50	0.50	1.00	1

Hasil daripada analisis yang telah dilaksanakan mendapati pecahan keluasan adalah seperti berikut :

**Jadual 4.12:** Jadual Tahap Kesesuaian Pembangunan Bagi Senario Keseimbangan Pembangunan

Tahap Kesesuaian	Keluasan (Hektar)	Peratus
Sesuai Pembangunan	2,023.03	11.17
Sederhana Sesuai Pembangunan	6,265.08	34.59
Kurang Sesuai Pembangunan	3,132.541	17.30
Tidak Sesuai Pembangunan	6,690.50	36.94
<b>KESELURUHAN</b>	<b>18,111.15</b>	<b>100.00</b>

**Rajah 4.31:** Peta Kesesuaian Pembangunan Jajahan Tumpat Senario Keseimbangan Pembangunan



PELAN KUNCI

**PETUNJUK**

Kesesuaian Pembangunan	Hektar	%
Sesuai Pembangunan	2,023.03	11.17
Sederhana Sesuai Pembangunan	6,265.08	34.59
Kurang Sesuai Pembangunan	3,132.54	17.30
Tidak Sesuai Pembangunan	6,690.50	36.94
	<b>18,111.15</b>	<b>100.00</b>

**Lain-lain**

- Sempadan Kawasan Kajian
- Sempadan Jajahan
- Negara Thailand
- Sempadan Blok Perancangan
- Jalan Persekutuan
- Jalan Negeri
- Laluan Keretapi



## 5.0 KEPERLUAN, CARA MENGGUNAKAN SISTEM DAN PANGKALAN DATA

Penyediaan pangkalan data yang sistematik mampu memberi manfaat yang berguna di dalam pengurusan aktiviti kerja harian. Pendekatan penggunaan pangkalan data yang berpusat mampu memastikan pangkalan data mudah dicapai dan dikemaskini dari masa ke semasa.

Selain keperluan terhadap penyediaan pangkalan data berpusat, ia seharusnya disokong dengan persekitaran sistem yang selamat serta mempunyai inisiatif terhadap pemerkasaan data termasuklah aktiviti pengemaskinian pangkalan data, keperluan keselamatan data, keperluan perkakasan dan perisian yang secukupnya malah penyediaan modal insan yang mahir di dalam mengendalikan data dan sistem berkaitan perlu dipertingkatkan.

### 5.1 Keperluan Perkakasan, Perisian Dan Peningkatan Kemahiran

Terdapat beberapa perisian utama yang sering digunakan untuk mengendalikan pangkalan data gis. Antaranya adalah seperti QGIS (sumber terbuka), MapINFO (lesen) dan ArcGIS Pro / ArcMAP (lesen). Setiap perisian ini mempunyai kelebihan dan kekangan tersendiri. Perolehan terhadap perisian ini adalah tertakluk kepada keperluan dan kemampuan perbelanjaan di peringkat pengguna.

Keperluan terhadap penyediaan perisian juga perlu diambilkira. Penggunaan perisian gis memerlukan keupayan yang tinggi kerana perisian gis menggunakan pemaparan grafik serta pengolahan data spatial dan bukan spatial yang besar. Oleh yang demikian penyediaan perkakasan minima seperti yang terdapat di dalam jadual di bawah :

**Jadual 5.1:** Keperluan Perkakasan Dan Perisian


Perkakasan / Perisian	Minimum	Disarankan
Sistem Operasi	Windows 7 Ultimate 64-bit SP1 dengan 32-bit	Windows 10 Enterprise 64-bit
RAM	4GB RAM	16GB RAM
Saiz disk	2GB atau lebih baik	500GB atau lebih baik
Processor	Intel Core i3-3225	Intel Core i7-1060G7
Jenis Sistem	32-bit color	64-bit color
Monitor	1024x768 resolution	1600x900 resolution
GPU	NVIDIA GeForce GTX 680 SLI 2x1006MHz /6.006GHz 2GB GDDR5	RTX 2080 Ti atau lebih
Software	MapInfo Professional v11.5 ArcGIS Pro (option) QGIS (option)	MapInfo Professional V15.x

Pembangunan modal insan dengan mempertingkatkan kemahiran dan pengalaman perlu di ambilkira. Perkembangan dan pembangunan teknologi cepat berubah, perubahan ini mendesak pengguna untuk terus sentiasa bersedia dan berupaya untuk mengendalikan sistem dan pangkalan data gis. Latihan dan kursus jangka pendek boleh disertai bagi tujuan tersebut.

## 5.2 Network Architecture Untuk Pangkalan Data

Keperluan terhadap penyediaan infrastruktur yang berpusat amat digalakan. Ini bagi memudahkan pengguna membuat capaian kepada satu pangkalan data yang mempunyai maklumat terkini, tahap keselamatan terjamin dan menyokong terhadap perkongsian maklumat dan data yang efektif. Penggunaan firewall yang sesuai mampu memastikan pangkalan data sentiasa terselamat daripada ancaman serangan cyber dan kertirisan data. Fail MapInfo dan Model Pangkalan Data RT Jajahan Tumpat 2035 (Penggantian) akan diletakkan di dalam *database server*. Setiap PC kepunyaan kakitangan digalakkan untuk memasang Mapinfo Professional di komputer masing-masing supaya mampu membuat capaian data dan bagi memudahkan kerja mengemaskini data dan maklumat fail MapInfo tersebut.

Rajah 5.1: Rangkaian Pangkalan Data Berpusat




## 5.3 Capaian Pangkalan Data

Pangkalan data gis yang diserahkan kepada pengguna adalah di dalam format *\*.tab* (MapINFO). Penyusunan struktur pangkalan data adalah merujuk kepada Manual GIS Rancangan Pemajuan 2.0. capaian boleh dibuat bagi tujuan memaparkan data-data gis dan juga membuat semakan serta mengemaskini pangkalan data.


Penggunaan perisian MapINFO digunakan bagi membuat capaian dan memaparkan data-data tersebut. Pilih riben **TABLE** klik **Open** dan pilih **Table** > pilih folder yang menempatkan pangkalan data GIS

Rajah 5.2: Membuka fail table MapINFO




Klik Pada buang Info bagi tujuan paparan maklumat. Penggunaan perisian Map INFO Pro version 15.x atau yang terkini lebih mudah untuk digunakan. Maklumat yang terpapar sudah tersedia untuk aktiviti pengemaskininan pangkalan data.

**Rajah 5.3:** Papar Maklumat Info



**Rajah 5.4:** Fungsi Bagi Mengubah Struktur Table Data



Bagi tujuan menambah field data pengguna boleh merujuk kepada Rajah 4.20. Setelah membuka paparan data pilih riben **Table > Table > Modify Structure**, pilih table data yang hendak disunting. Setelah itu pop up akan memaparkan screen Modify Table Structure. Pengguna boleh membuang, mengubah, menambah serta menyusun kedudukan struktur data tersebut.

## 6.0 KESIMPULAN

Secara umumnya, pembangunan pangkalan data GIS RT Jajahan Tumpat 2035 (P) adalah berstruktur dengan menggunakan panduan dari Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0 Edisi 2019 dari Bahagian Maklumat Gunatanah Negara (BMGN), PLANMalaysia. Piawaian yang ditetapkan membolehkan keseragaman dan kawalan kualiti data dapat dibuat dengan lebih mudah. Data-data yang berkualiti yang dibangunkan dapat digunakan dalam analisis untuk mendapatkan hasil berketepatan yang tinggi. Analisis-analisis yang dilaksanakan adalah berdasarkan keperluan sektoran dan hasilnya dapat dipersembahkan dalam paparan peta. Kriteria dan model yang dibentuk sepanjang proses analisis turut di dokumentasi di dalam laporan ini sebagai rujukkan penghasilan analisis yang telah dijalankan.

Satu set pangkalan data dengan format .TAB dan metadata akan diserahkan sebagai deliverable akhir kepada MDT dan PLANMalaysia termasuk hasil analisis dan imej yang telah diperolehi kajian ini. Ini akan dapat membantu menambah dan mengemas kini pangkalan data sedia ada di jabatan seterusnya dapat menjadi asas rujukkan utama kepada kajian-kajian yang akan datang.



